

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah status terkini pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Penjenamaan Semula Tingkatan Enam adalah di bawah Inisiatif 46B: Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sehingga kini, status Penjenamaan Semula Tingkatan Enam adalah seperti berikut:

i. Peningkatan Imej dan Anjakan Minda

Murid Tingkatan Enam dibenarkan berpakaian kemas, sopan dan tidak mencolok mata. Pakaian mereka tidak lagi sama seperti pakaian seragam murid lain. Murid Tingkatan Enam dibenarkan untuk membawa gajet elektronik ke sekolah bagi tujuan pembelajaran dan membuat rujukan bahan pengajian serta kerja kursus daripada pelbagai sumber.

ii. Sistem Pentaksiran Baharu Kokurikulum (10 Peratus)

Melalui pentaksiran baharu kokurikulum Tingkatan Enam yang diperkenalkan mulai 2016, murid diberi peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui penambahan peranan dan pilihan aktiviti bagi sukan, kokurikulum dan khidmat komuniti sebagai pilihan baharu yang lebih menarik bagi murid Tingkatan Enam.

iii. Sistem Modular STPM

Melalui Sistem Modular STPM, peperiksaan bertulis dijalankan pada tiga semester, iaitu Semester 1, Semester 2 dan Semester 3 dalam tempoh pengajian selama satu setengah tahun. Murid dibenarkan memperbaiki keputusan mereka dengan mengambil peperiksaan ulangan. Sistem pentaksiran baharu STPM ini juga memperkenalkan Kerja Kursus dalam bentuk Kertas Projek atau Kerja Lapangan atau Amali Sains (bergantung kepada penawaran dalam mata pelajaran masing-masing) yang dinilai oleh guru sekolah dengan wajaran 20 peratus hingga 40 peratus.

iv. Kolej Tingkatan Enam

Sehingga bulan Februari 2018, terdapat 14 buah Kolej Tingkatan Enam (KTE) sedang beroperasi di seluruh negara. Selain daripada Kolej Tingkatan Enam tersebut terdapat sebanyak 85 buah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 telah beroperasi di seluruh negara.